

## Kajian Akhlak dan Pengamalan Remaja Muslim Berdasarkan Kitab Jami' Ulum Wal Hikam oleh Imam Ibnu Rajab Hanbali

*A Study of Morals and Practices of Muslim Adolescents Based on Jami' Ulum Wal Hikam by Imam Ibnu Rajab Hanbali*

Bal Ikhwan Khairulanwar<sup>a,\*</sup>, Aminudin Hehsan<sup>b</sup>, Juhazren Junaidi<sup>b</sup>, Mohd al-Ikhsan Ghazali<sup>b</sup>, Arieff Salleh Rosman<sup>b</sup>, Farahwahida Mohd Yusof<sup>b</sup>

<sup>a</sup>*Academy of Islamic Civilization, Faculty of Science Social and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

<sup>b</sup>*Center of Research for Fiqh Science and Technology (CFiRST), Ibnu Sina Institute, Universiti Teknologi Malaysia, UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

\*Corresponding author: b.ikhwan@graduate.utm.my

### Article history

Received: 2021-05-27    Received in revised form: 2021-10-20    Accepted: 2021-11-01    Published online: 2022-06-30

### Abstract

Morality is an important identity that symbolizes the excellence and personality of a muslim youth. Without human morality there seems to be no value despite having property and high rank. Islam highly values the question of credibility and morality among its ummah. This study aims to identify the morals and practices of muslim students based on the hadis found in the book *Jami' Ulum Wal Hikam* by Ibnu Rajab Hanbali. The first objective of this study is to analyse thematically on the hadis related to morality in the book *Jami' Ulum Wal Hikam* while the second objective is to analyse the practice of behavior through the formation of the morals of muslim students. This study is important to identify the level of practice among muslim students in Johor Bahru. This study utilizes library research by examining books related to the morals and manners. The researcher devided the hadis found in this book based on the categories and themes that correspond to the hadis. The second is to analyze students "practice based on hadis on the book *Jami' Ulum Wal Hikam*" which is found in the book by Ibnu Rajab Hanbali. This study used a quantitative approach through a distribution of survey form. A total of 371 respondents were involved among students in levels four, five and six from a total population of 700 students in Johor Bahru. Data were analysed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS). Finding for practice of behavior of adolescents showed a high average mean of 4.415 to 4.690. From the data and this analysis shows that the average moral practice among the Muslim secondary school student in this study is high and satisfactory.

**Keyword:** Moral, manners and adolescents in hadis

### Abstrak

Akhlik merupakan suatu identiti penting yang melambangkan keunggulan dan keperibadian seseorang remaja muslim. Islam amat memandang tinggi soal kredibiliti dan akhlak dalam kalangan umatnya. Kajian ini betujuan bagi mengenalpasti kefahaman akhlak dan pengamalannya dalam kalangan remaja Muslim berdasarkan hadis yang terdapat dalam kitab *Jami' Ulum Wal Hikam* oleh Ibnu Rajab Hanbali. Objektif pertama kajian ini adalah menganalisis secara bertema ke atas hadis-hadis yang berkaitan dengan akhlak di dalam kitab *Jami'ul Ulum Wal Hikam*, manakala objektif kedua ialah menganalisis pengamalan tingkah laku melalui pembentukan akhlak remaja Muslim. Kajian ini juga akan mengenal pasti tahap pengamalan dalam kalangan pelajar Muslim di Johor Bahru. Kajian ini mengadaptasi dua metodologi, iaitu kaedah analisis perpustakaan dengan meneliti hadis-hadis dalam kitab Imam Ibnu Rajab. Hadis yang terdapat dalam kitab ini dibahagikan kepada kategori dan tema yang sesuai dengan hadis tersebut. Metodologi yang kedua ialah menganalisis pengamalan pelajar berdasarkan hadis dalam kitab *Jami' Ulum Wal Hikam* oleh Ibnu Rajab Hanbali. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran borang kaji selidik. Seramai 371 responden telah terlibat dalam kalangan pelajar tingkatan empat, lima dan enam daripada jumlah keseluruhan populasi berjumlah 700 pelajar di tiga buah sekolah sekitar Johor Bahru. Data dianalisis menggunakan *Statistic Package for the Sosial Science (SPSS)*. Keputusan kajian bagi pengamalan tingkah laku dan keperibadian remaja menunjukkan purata min yang tinggi iaitu 4.415 hingga 4.690. Daripada data analisis ini menunjukkan purata pengamalan akhlak dalam kalangan remaja yang terdapat dalam kajian ini adalah tinggi dan memuaskan.

**Kata kunci:** Akhlak peribadi remaja dalam hadis

## 1.0 PENDAHULUAN

Kajian ini membincarakan tentang akhlak dan adab yang amat dititik beratkan dalam Islam berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah SAW. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis al-Bukhari no. 273 “*Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak*”. Akhlak ialah suatu perkara penting yang semakin lopus dalam masyarakat Islam pada hari ini khususnya golongan muda. Sesungguhnya Islam ialah agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW amat menjunjung tinggi akhlak. Oleh kerana erat jalinan antara Islam dan akhlak maka sebahagian amalan manusia dikaitkan dengan iman seperti mana yang digambarkan dalam hadis riwayat Muslim no: 309 “*Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamu, barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat maka hendaklah dia memuliakan jirannya, barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat hendaklah dia berkata baik atau diam*”.

Ibadah yang berkesan akan memberikan impak kepada peribadi seseorang Muslim, sama seperti kesempurnaan iman yang akan memberi kesan kepada akhlak mulia. Allah berfirman dalam surah al-Ankabut 29:45 “*Sesungguhnya solat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar*”. Begitu juga zakat, Allah berfirman dalam al-Taubah 9:103 “*Zakat itu membersihkan dan mensucikan harta kamu*”. Begitu juga puasa dan zakat, yang mana keduanya membuatkan hasil yang hebat iaitu taqwa, dijelaskan didalam surah al-Baqarah 2:181 dan surah al-Hajj 22:35 “*Akan tetapi Allah memandang taqwa dikalangan kamu. Semoga kamu bertaqwa*”. Jika ibadah yang dilakukan tidak membuatkan hasil seperti yang dinyatakan dalam al-Quran, maka objektif asal ibadah tersebut sudah lenyap. Nabi SAW pernah bersabda di dalam hadis riwayat Ibn Majah no. 1760: “*Perumpamaan orang yang bangun di tengah malam tetapi tidak mendapat apa apa melainkan letih, dan perumpamaan orang yang berpuasa tetapi tidak mendapat apa apa melainkan lapar*”. Nabi SAW turut bersabda di dalam hadis riwayat al-Bukhari no. 2251: “*Barang siapa yang tidak meninggalkan perkataan dan perbuatan keji maka Allah tidak berhajat untuk dia meninggalkan makan dan minum*”.

Oleh kerana Islam sangat menekankan akhlak mulia seperti berkata benar, amanah, adil, ihsan dan menjaga hubungan silaturrahim, maka dapat disimpulkan bahawa seluruh kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan dengan akhlak. Perkara ini menunjukkan bahawa tiada pemisah antara ilmu dan akhlak, antara politik dan akhlak, antara ekonomi dan akhlak, juga peperangan dan akhlak. Tuntasnya, kesemua akhlak terpuji yang terkandung dalam Islam adalah beriman kepada Allah SWT.

## 2.0 PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Islam adalah agama yang menyeru umatnya supaya berpegang dengan akhlak yang mulia dan menjaga tatasusila dalam kehidupan. Syariat Islam menafikan akan kesahihan dan penerimaan amal soleh yang dilakukan umatnya jika dalam masa yang sama mengamalkan akhlak yang buruk. Hadis Rasulullah SAW menerangkan amal baik yang dilakukan tetapi ditolak kerana akhlak buruk yang dilakukan oleh pelakunya. Di antara sebab yang membawa kepada pelajar memilih tajuk ini adalah:

*Gejala moral yang berlaku dalam kalangan masyarakat khususnya pelajar sekolah serta kurangnya adab kepada guru di sekolah hingga menyebabkan hilang rasa hormat kepada pendidik yang mengajarkan ilmu kepada mereka. Menurut Abd. Rahim (2006) faktor persekitaran seperti faktor keluarga, sosial dan budaya mampu mempengaruhi perkembangan tingkah laku mereka. Golongan ini juga merupakan aset yang bernilai dalam mencorakkan negara dari segi politik, ekonomi dan juga kemasyarakatan. Oleh itu, penulis merasakan perlunya untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi akhlak pelajar secara umumnya.*

Selain itu, pengkaji turut mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya tahap kefahaman tentang kepentingan akhlak dalam kalangan masyarakat. Jika diperhatikan dalam kalangan masyarakat sekarang, pertelingkahan dan pergaduhan kerap terjadi kerana sikap atau perasaan tidak senang kepada seseorang, ditambah pula dengan hasad dengki yang telah sekian lama tersimpan di dalam lubuk hati. Maka lahirlah akhlak buruk sehingga menyebabkan pertelingkahan dan pergaduhan.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi analisis perpustakaan. Kaedah ini menganalisis permasalahan ilmiah yang dikaji melalui beberapa cara seperti menyusun, menghuraikan, membentulkan dan mengkritik. Kaedah ini juga banyak digunakan terutama pada ilmu syariah. Selain daripada itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kuantitatif diskriptif. Ia merangkumi reka bentuk kajian, pengumpulan data dan analisis data sesuai dengan kajian yang bersifat penerokaan, kajian kes dipilih sebagai kaedah kajian dan menganalisis hasil dari dapatan. Pengkaji akan menggunakan kaedah deskriptif dalam menyusun dan mengemas kini maklumat yang dikumpulkan hasil daripada kaedah induktif. Kaedah ini membantu pelajar dalam membentangkan dan menganalisis maklumat dan menjawab kesemua persoalan kajian demi mencapai objektif. Statistik deskriptif adalah prosedur statistik yang digunakan bagi menjelaskan, menyusun dan meringkaskan ciri-ciri utama data sampel dengan lebih tersusun, contohnya dalam bentuk jadual. Dengan penggunaan jadual, rajah, data akan mudah difahami. Selain itu, statistik deskriptif ini juga merangkumi data frekuensi, ukuran kecenderungan tengah (min, mod, median) dan ukuran kebolehubahan (julat, varians, sisihan piawai). Interpretasi skor min yang dirujuk bagi kajian ini dengan bacaan 3.67 hingga 5.00 (tinggi), 2.34 hingga 3.66 (sederhana) dan 1.00 hingga 2.33 (rendah).

### 4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini juga menzahirkan bahawa peranan hadis dalam menyebarkan akhlak mahmudah sesuai sebagaimana pengutusan Rasulullah SAW sebagai *qudwah hasanah* (tauladan) terbaik bagi manusia dan pembawa risalah tauhid. Padanya diturunkan al-Quran sebagai panduan dan sumber utama umat Islam juga dimuliakan Rasulullah SAW dengan dijadikan Sunnah sebagai sumber yang kedua bagi selepas al-Quran. Oleh kerana itu wajib bagi manusia mentaati Allah dan Rasulullah SAW sebagaimana yang di sebut dalam al-Quran surah al-Nisa' 4:79 “*Sesiapa yang mentaati Rasul maka dia telah mentaati Allah SWT*”.

Sesungguhnya perbincangan mengenai akhlak dan adab serta beramal dengan-nya ialah suatu perbincangan yang luas kerana akhlak merupakan suatu yang tertanam di dalam diri seseorang manusia. Kesan akhlak terhadap seseorang individu bergantung kepada tahap keimanan dan kefahaman seseorang. Tambahan pula krisis identiti dan pertembungan ideologi yang semakin berkecamuk pada hari ini memungkinkan lagi berlakunya keruntuhan akhlak. Maka sunnah ialah antara benteng yang hadir dalam menangkis segala ancaman yang wujud pada masa kini. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sunnah merupakan amalan yang amat penting dalam mencorakkan pembentukan akhlak dan merupakan penyelesaian kepada permasalahan akhlak. Akhlak bukanlah sesuatu elemen yang mampu wujud dengan sendirinya, ianya hanya akan mekar sekiranya disemai dengan *tarabut* atau hubungan dengan taqwa dan ilmu.

#### 4.1 Pecahan Hadis Mengikut Kategori

Imam Ibnu Rajab menyusun hadis-hadis yang boleh diibaratkan sebagai '*umdat(tiang)* dalam Islam. Hadis-hadis yang diletakkan dalam kitab beliau ini kebanyakannya terdiri daripada perkara syariah dan hukum dalam Islam. Namun begitu, terdapat hadis yang menekankan soal keperibadian dan

akhlak dalam Islam. Penulis berusaha sedaya upaya dalam memahami konteks hadis- akhlak yang terdapat dalam Kitab *Jami' Ulum Wal Hikam* ini dan membuat pembahagian hadis-hadis yang bersesuaian dengan konteks dan pemahaman setiap hadis. Maka terhasillah pecahan hadis-hadis seperti yang terdapat dibawah ini. Pertama ialah pembahagian tentang “Akhlak sesama manusia. Kedua ialah pembahagian tentang “Akhlak berdakwah di jalan Allah” dan yang terakhir ialah Akhlak melalui sifat ihsan.

**Jadual 1:** Akhlak sesama manusia

No.	PEMBAHAGIAN HADIS
1	Daripada Abu Hurairah RA: <i>Di antara kebaikan dalam Islam ialah meninggalkan perkara yang bukan urusannya.</i> (Tirmizi no: 2317, Ibn Majah no: 3976)
2)	Daripada Anas bin Malik RA, Rasulullah SAW telah bersabda: <i>Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia mengasih saudaranya seperti dia mengasih dirinya sendiri.</i> (Bukhari no:13, Muslim, no:45)
3)	Daripada Abu Hurairah RA Rasulullah SAW telah bersabda: <i>Barangsiapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari Akhirat hendaklah dia berkata dengan kebaikan atau diam.</i> (Ahmad no:6621, Tabrani no:14675)
4)	Daripada Abu Hurairah RA, sesungguhnya seorang lelaki telah datang menemui Rasulullah SAW sambil berkata wasiatkanlah kepada aku wahai Rasulullah SAW, maka Rasulullah SAW bersabda, <i>Jangan kamu marah, Rasulullah mengulangi beberapa kali</i> (Bukhari no:6116)
5)	Daripada Abi Dzar, Muaz bin Jabal RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: <i>Bertaqwalah kepada Allah walau di mana sahaja kamu berada, dampingilah keburukan dengan kebaikan yang dapat menghapuskannya dan bergaulah dengan manusia dengan akhlak yang baik.</i> (al-Tirmizi no:1987, Ahmad no:21392)
6)	Daripada Abi Hurairah RA berkata: <i>Daripada Abi Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda Jangan kamu saling berbasad, jangan kamu saling menipu, jangan kamu saling membenci, janganlah kamu saling memutuskan hubungan, jangan kamu menjual sesuatu yang telah dijual kepada orang lain. Jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara. Seorang muslim adalah saudara bagi muslim yang lainnya, dia tidak menzalimi dan mengaibkannya tidak mendustakannya dan tidak menghinanya. Taqwa itu di sini (seraya menunjukkan ke arah dadanya sebanyak tiga kali). Cukuplah seorang Muslim dikatakan buruk jika dia menghina saudaranya Muslim. Setiap Muslim atas Muslim yang lain baram darahnya, hartanya dan kehormatannya</i> (Bukhari no:6064, Muslim no:2563)
7	Daripada Abu Hurairah RA, telah bersabda Rasulullah SAW: <i>Barangsiapa yang meringankan dan menghilangkan kesulitan seorang mukmin dari pelbagai kesulitan dunia, nescaya Allah akan memudahkan kesulitannya di Hari Kiamat. Dan siapa yang memudahkan orang yang sedang kesulitan niscaya akan Allah mudahkan baginya di dunia dan di akhirat. Allah selalu menolong hambanya selama mana hambanya menolong saudaranya. Siapa yang menempuh jalan untuk mendapatkan ilmu, akan Allah mudahkan baginya jalan ke syurga. Suatu kaum yang berkumpul di salah satu rumah Allah membaca kitab-kitab Allah dan mempelajarinya di antara mereka, nescaya akan diturunkan padanya ketenangan, dilimpahkan kepada mereka rahmat, dan mereka dikelilingi malaikat serta Allah menyebut-nyebut mereka kepada makhluk di sisinya. Dan sesiapa yang lambat amalnya, hal itu tidak akan dipercepat oleh nasabnya.</i> (Muslim no:2699, Ibn Majah no:255, Ahmad no:7427)
8)	Daripada Abdullah bin Amr RA, <i>daripada Rasulullah SAW bersabda: Empat perkara yang jika terdapat pada diri seseorang maka ia munafiq hakiki. dan jika ada salah satu dari empat itu maka pada dirinya ada sifat munafiq sampai ia memisahkan diri dari sifat tersebut, jika berkata kata ia dusta, jika berjanji ia khianat, jika bersumpah ia ingkar, jika berbalah ia melampau.</i> (Bukhari no:2459, Muslim no:58)

**Jadual 2:** Akhlak melalui dakwah di jalan Allah

1)	Daripada Tamim al-Dari RA, <i>Seseungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Agama itu adalah nasihat. Kami bertanya, untuk siapa wahai rasulullah? Jawab baginda untuk Allah, Kitabnya, Rasulnya, pemimpin umat Islam dan seluruh manusia.</i> (Ahmad no:3281, Abu Ya'la no:2372, Tabrani no:11198)
2)	Daripada Irbad bin Sariyah RA: Beliau berkata Rasulullah SAW memberi nasihat yang membuatkan hati kami bergetar dan air mata kami berlinang. Maka kami berkata: Ya Rasulullah seakan ini merupakan nasihat perpisahan, maka berilah kami wasiat. Rasulullah SAW bersabda: <i>Saya wasiatkan kalian untuk bertakwa kepada Allah, tunduk dan patuh kepada pemimpin kalian meskipun yang memimpin itu adalah seorang hamba,</i>

	<p>kerana di antara kalian yang hidup ini setelah aku, akan menyaksikan banyak perbezaan pendapat. Hendaklah kamu berpegang teguh kepada sunnahku(ajaran) dan Sunnah(ajaran), Khulafa Arrasyidin yang mendapat petunjuk, gigitlah ia dengan gigi geraham kalian. Hendaklah kamu menjauhi dari perkara perkara yang diada adakan kerana semua perkara itu adalah bidaah yang sesat.</p> <p>(Abu Daud no:4608, Tirmizi no:2870, Ibn Majah no:44)</p>
3)	<p>Daripada Abi Said Al Khudri RA berkata, beliau mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Barangsiapa yang melihat kemungkinan maka hendaklah dia mencegah dengan tangannya, jika tidak mampu, hendaklah dia cegah dengan lidahnya, jika tidak mampu hendaklah dia cegah dengan hatinya, maka itu adalah selemah lemah iman.</p> <p>(Muslim no: 49)</p>

**Jadual 3:** Akhlak melalui sifat ihsan

1)	<p>Daripada Abu Ya'la Syadad bin Aus RA, Rasulullah SAW bersabda, Sesungguhnya Allah SWT telah menetapkan ihsan dalam setiap perbuatan baik, Jika kamu membunuh maka perelokkan perbuatan tersebut, jika kamu menyembelih maka perelokkan sembelihan tersebut. Hendaklah kamu mengasah pisau dengan tajam dan tenangkan haiwan sembelihan tersebut.</p> <p>(an-Nasa'i no:4425)</p>
2)	<p>Dari Abu Malik al-Haritsy bin 'Ashim al-'Asy'ary RA dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: Bersuci sebahagian daripada iman, alhamdulillah memenuhi timbangan, subhanallah dan alhamdulillah memenuhi lagi dan bumi. Solat adalah cahaya sedekah adalah bukti, manakala al-Quran menjadi pendamping atau musuh buat kamu Semua manusia menjadi penjual untuk diri mereka sendiri. Ada yang membebaskan diri mereka dari azab dan ada yang menghancurkan diri mereka.</p> <p>(Muslim no:223, Tirmizi no:3517, an-Nasai no:2437, Ahmad no:22909)</p>
3)	<p>Dari Abu Dzar Al Ghifari RA dari Abu Dzar Al Ghifari RA dari Rasulullah SAW sebagaimana beliau merivayatkan bahawa Allah berfirman: Wahai hambaku, sesungguhnya aku telah mengharamkan kezaliman atas diri-Ku dan Aku telah menetapkan haramnya keatas kamu maka janganlah kamu saling berlaku zalim. Wahai hamba-Ku semua kamu adalah sesat kecuali siapa yang Aku beri hidayah, maka mintalah hidayah kepada-Ku nescaya Aku akan memberikan kamu hidayah. Wahai hamba-Ku, kamu semua kelaparan kecuali siapa yang Aku berikan kepadanya makanan, maka mintalah makan kepada-Ku nescaya Aku berikan kalian makanan. Wahai hamba-Ku, kamu semua bertelanjang kecuali siapa yang Aku berikan kepadanya pakaian, maka mintalah pakaian kepada-Ku nescaya Aku berikan kamu pakaian. Wahai hamba-Ku kalian semua melakukan kesalahan pada malam dan siang hari dan Aku ampuni dosa semuanya, maka mintalah ampun kepada-Ku nescaya akan Aku ampuni. Wahai hamba-Ku sesungguhnya tidak ada mudarat yang dapat kamu lakukan kepada-Ku sebagaimana tidak ada manfaat yang kamu berikan kepada-Ku. Wahai hamba-Ku seandainya orang pertama di antara kamu sampai orang terakhir, dari kalangan manusia dan jin semuanya berada dalam keadaan paling bertakwa di antara kamu, nescaya hal tersebut tidak menambah kerajaan-Ku sedikit pun. Wahai hamba-Ku seandainya sejak orang pertama di antara kalian sampai orang terakhir, dari golongan manusia dan jin di antara kalian, semuanya seperti orang yang paling derhaka di antara kamu, nescaya hal itu tidak mengurangi kerajaan-Ku sedikit pun juga. Wahai hamba-Ku, seandainya sejak orang pertama diantara kalian sampai orang terakhir semuanya berdiri di sebuah bukit lalu kamu meminta kepada-Ku, lalu setiap orang yang meminta Aku penuhi, nescaya hal itu tidak mengurangi apa yang ada pada-Ku kecuali bagaikan sebuah jarum yang dicelup di tengah lautan. Wahai hamba-Ku, sesungguhnya semua perbuatan kamu akan diperhitungkan untuk kamu, kemudian diberikan balasannya, sesiapa yang banyak mendapatkan kebaikan maka hendaklah dia bersyukur kepada Allah dan sesiapa yang menemukan selain (kebaikan) itu janganlah ada yang dicela kecuali dirinya.</p> <p>(Muslim no: 2577)</p>
4)	<p>Dari Abu Dzar RA: Sesungguhnya sejumlah orang dari sahabat Rasulullah SAW berkata kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah, orang-orang kaya telah pergi dengan membawa pahala yang banyak, mereka solat sebagaimana kami solat, mereka puasa sebagaimana kami puasa dan mereka bersedekah dengan kelebihan barta mereka (sedang kami tidak dapat melakukannya). (Rasulullah SAW) bersabda: Bukankah Allah telah menjadikan bagi kalian jalan untuk bersedekah? Sesungguhnya setiap tasbih merupakan sedekah, setiap takbir merupakan sedekah, setiap tahmid merupakan sedekah, setiap tahlil merupakan sedekah, amar makrif nahi mungkar merupakan sedekah dan rasa malu kalian merupakan sedekah. Mereka bertanya: Ya Rasulullah benarkah dikatakan berpahala seseorang di antara kami yang menyalurkan syahwatnya? Beliau bersabda: Bagaimana pendapat kalian seandainya hal tersebut disalurkan di jalan yang haram, bukankah baginya dosa? Demikianlah halnya jika hal tersebut diletakkan pada jalan yang halal, maka baginya mendapatkan pahala.</p> <p>(Muslim no:1006)</p>
5)	<p>Dari Mu'az bin Jabal RA dia berkata: Aku berkata: Ya Rasulullah bagitahu kepadaku amalan yang boleh membuatkan aku masuk kedalam syurga, dan menjauhkan aku daripada neraka, Rasulullah menjawab sesungguhnya engkau telah bertanya akan perihal yang besar dan perkara tersebut mudah bagi mereka yang Allah mudahkan, pertama beribadah kepada Allah dan tidak menyekutukan-Nya, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji Kemudian Rasulullah bersabda, mahukkah kamu aku beritahu mengenai pintu-pintu syurga? Puasa adalah banteng, sedekah akan menghapuskan dosa seperti mana</p>

	<p>air yang mematikan api, dan solat di tengah-tengah malam (<i>qiamullail</i>), kemudian Rasulullah membacakan ayat yang bermaksud “Lambung mereka jauh daripada tempat tidur mereka dan mereka berdoa dengan perasaan takut dan tamak”. Baginda bertanya mahukah aku beritahu pokok dari segala perkara? Tiang dan puncaknya? Aku menjawab ya wahai Rasulullah pokoknya adalah Islam, tiangnya solat dan puncaknya jihad. Lalu Rasulullah menanyakan lagi, mahukah aku beritahu tentang sesuatu yang kamu semua akan miliki semuanya? lalu Rasulullah memegang lidahnya dan bersabda” jagalah ini”. Aku berkata wahai Rasulullah apakah kita akan dihukum atas apa yang kita bicarakan? Rasulullah bersabda apakah yang akan menyebabkan seseorang dilekatkan mukanya di neraka melainkan apa yang diucapkan oleh lisannya</p> <p style="text-align: right;">(Tirmizi no:2616, an-Nasai no:11394, Ibn Majah no:3973)</p>
6)	<p>Dari Jurtsum ibn Nasyir, RA, dari Rasulullah SAW bersabda: “Allah menetapkan sejumlah kevajipan maka jangan kamu sia-siakan. Allah juga telah menetapkan batasannya maka jangan kamu melampauinya, Allah mengharamkan sesuatu perkara maka jangan kamu hampirinya, Allah mendiamkan beberapa perkara kerana mengasihi kamu, bukan disebabkan lupa, maka jangan kamu menanyakannya</p> <p style="text-align: right;">(al-Daruqutni no:183, al-Hakim no:7114, al-Baihaqi no:20217)</p>
7)	<p>Dari Abu Sa'id al-Khudri RA, Sa'ad bin Sinan Al Khudri RA, Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Tidak boleh melakukan perbuatan yang mencelakakan (mudarabat) “(Hadis hasan diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Daruqutni serta lainnya dengan musnad, juga diriwayatkan oleh Imam Malik dalam Muvattha' secara mursal dari Amr bin Yahya dari bapaknya dari Rasulullah SAW, dia tidak menyebutkan Abu Sa'id. Akan tetapi hadits ini memiliki jalan-jalan yang saling menguatkan).</p> <p style="text-align: right;">(Ibn Majah no: 3079)</p>
8)	<p>Dari Ibn Abbas RA, sesungguhnya Rasulullah SAW: Sekiranya setiap pengaduan manusia itu diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta sesuatu kaum dan darah mereka adalah miliknya, oleh itu bagi pendakwa mendarangkan bukti dan sumpah bagi sesiapa yang mengingkarinya.</p> <p style="text-align: right;">(al-Baihaqi no: 21201)</p>
9)	<p>Dari Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhya Allah SWT berfirman: Sesiapa yang memusuhi wali-Ku maka aku ishtibarkan perang padanya Tiada seorang hamba yang hampir kepada-Ku lebih Aku cintai melainkan mereka beribadah dengan apa yang aku telah wajibkan, dan hamba-hambaKu yang menghampirkan diri dengan-Ku melalui ibadah sunat nescaya Aku mencintainya. Jika Aku mencintainya maka Aku adalah pendengarnya yang dia gunakan untuk mendengar, penglibatannya yang digunakan untuk melihat, tangannya yang digunakan untuk memukul dan kakinya yang digunakan untuk melangkah. Jika dia meminta kepada-Ku nescaya akan Aku berikan, jika dia minta perlindungan kepada-Ku akan Aku berikan</p> <p style="text-align: right;">(al-Bukhari no: 6502)</p>

Nilai akhlak yang terdapat dalam pembahagian hadis “Akhlak sesama manusia” ialah sentiasa menjaga akhlak dan peribadi setiap individu Muslim daripada menyakiti sesama muslim yang lain. Kesemua hadis yang terdapat dalam bahagian ini mengajarkan peri penting penjagaan akhlak dalam diri individu Muslim itu sendiri. Manusia sememangnya akan menjadi mulia sekiranya berakhlak dengan baik. Ini bertepatan dengan definisi akhlak bahawa ia adalah sesuatu yang tertanam dalam diri setiap individu, dan ia tidak semestinya terhasil daripada pengetahuan seseorang. Ini bermaksud terdapat golongan cendekiawan, akhlak mereka berbeza dengan taraf keilmuan mereka. Ilmu yang mereka pelajari tidak meresap ke dalam jiwa sehingga membentuk akhlak dan peribadi muslim. Pendidikan bukan hanya aktiviti memperoleh maklumat semata-mata, bahkan aktiviti pembentukan dan pembinaan akhlak (Ali Abdul Wahid 1598).

Oleh sebab itu, tujuan yang ingin dicapai melalui pendidikan ialah pembentukan akhlak dan sahsiah yang sempurna dari segi fizikal, akal dan intelektual (Shamsul Arifin 2014). Manakala pada pembahagian “Akhlak berdakwah di jalan Allah”, akhlak yang terdapat dalam bahagian ini ialah berakhlak ketika menjalankan dakwah dan seruan untuk memberikan kefahaman Islam kepada manusia. Bagi seorang *da'i* yang sentiasa menyeru di jalan Allah sudah tentu mempunyai etika dan peraturan yang harus dipatuhi agar *mad'u* atau golongan sasaran cenderung untuk mengikuti apa yang didakwahkan kepadanya (Abdul karim Zaidan 1987). Antara etika bagi para *da'i* Islam ialah mempunyai ilmu pengetahuan yang secukupnya sama ada ilmu *uslub* dakwah mahupun ilmu yang berkaitan dengan perkara yang disampaikannya agar *mad'u* memahami apa yang disampaikan oleh *da'i* tersebut (Bassam Tibi 1997). Seterusnya pembahagian ini menegaskan tentang tanggungjawab kepentingan berdakwah kepada masyarakat yang merupakan tanggungjawab setiap individu bergantung kepada tahap masing-masing (Sayyid Mohd Noh 2000) dan (Mohd Natsir 1987).

Justeru, setiap pendakwah perlu mengambil contoh yang ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah SAW. Sirah mencatatkan tentang yang diterima oleh Rasulullah ketika menyampaikan dakwah di Thoif. Baginda dilemparkan dengan batu sehingga mengalir darah daripada tubuh baginda. Namun sifat kasih Baginda kepada umatnya tidak sedikit mematahkan semangat untuk terus berdakwah (Mohd Ramzi Omar 2009). Para *da'i* juga harus mempersiapkan diri dengan ilmu teknologi maklumat selari dengan penggunaan medium baharu pada waktu ini. Kegagalan *da'i* dalam mempersiapkan diri dengan segala medium baru ini memberikan kesan buruk kepada kerja dakwah. Penggunaan pelbagai kaedah dan cara sesuai dengan peredaran zaman pada hari ini juga adalah peluang terbaik pada *da'i* dalam menjalankan dakwah (Ruzain Syukur Mansur 2011). Penggunaan metode yang sesuai juga adalah faktor kejayaan sesuatu dakwah, ia bermaksud pada *da'i* perlu mengkaji metode penyampaian yang sesuai kerana sesuatu pengajaran walaupun ianya benar dan sahih namun jika kaedah penyampaian tidak menepati cara ianya sukar untuk diterima (Abd Aziz Mohd Zain 1991). Mengkaji setiap kumpulan sasaran juga adalah perkara yang penting, supaya para *da'i* dapat memberikan isi kandungan dakwah yang sesuai dengan tahap *mad'u* tersebut (Abdul Aziz Barghus 2005). Diantara bahagian dakwah yang penting ialah wajib bagi kita untuk mencegah segala kemungkaran yang berlaku sekadar mengikut keupayaan kita. Ia bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Nawawi RA (674H) di dalam bukunya daripada al-Qasim al-Qusyairi “Barang siapa yang diam daripada suatu kebenaran maka dia adalah syaitan bisu” (al-Nawawi) Manakala “Akhlak melalui sifat ihsan pula”, akhlak yang terdapat dalam pembahagian ini ialah berbuat ihsan (berbuat baik) kepada semua makhluk mengikut tahap dan keupayaan. Contoh berbuat ihsan kepada ibu-bapa adalah dengan mentaati mereka, berbuat kebaikan kepada mereka serta menjauhi daripada berbuat kejahanatan dan mendoakan kesejahteraan buat mereka (Mohd Syafa' Habib 1992).

Manakala ihsan kepada rakan dan sahabat adalah dengan berbuat baik kepada mereka, tidak menzalimi mereka dengan perbuatan dan perkataan dan meninggalkan perkara yang tidak mereka sukai. Begitu juga ihsan kepada binatang adalah dengan memberikan makanan dan tempat tinggal kepada binatang, dan menyembelih dengan baik tanpa menyeksanya. Menurut Sayyid Qutb (2000) dalam karya beliau yang masyhur “*Tafsir fi zilalil al-Quran*” dan Ghazali (2003) mempunyai persamaan dalam mendefinisikan akhlak. Menurut kedua-dua tokoh ini ihsan lahir daripada kesempurnaan Islam dan iman. Tidak akan terlahirnya ihsan tanpa kesempurnaan kudua-dua rukun ini. Al-Ghazali (1990) menyatakan didalam kitab beliau *al-Janib al-Athifi min Islam bath fi al-Suluk wa al-Khuluq wa al-Tasawwuf*, ihsan ialah membuat perkara yang lebih daripada asal, ia bermaksud umat Islam harus mempunyai sifat yang bersungguh-sungguh dalam membuat sesuatu kebaikan, tidak harus bagi umat Islam hanya melepaskan batuk ditangga dalam membuat sesuatu perkara, bahkan sifat ini harus dijauhkan agar sesuatu perkara dilunaskan dengan sesempurna mungkin.

Dapat disimpulkan bahawa, ihsan ialah sifat yang dimiliki oleh manusia yang sentiasa mengharapkan reda Allah SWT. Allah SWT menjadikan manusia untuk menjadi khalifah iaitu memimpin dan mentadbir alam ini sesuai dengan kehendak Islam. Oleh itu manusia perlu berbuat ihsan untuk memenuhi tanggungjawab manusia sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi ini.

**Jadual 4:** Dapatan tentang pengamalan tingkah laku dan Keperibadian Remaja berdasarkan hadis

Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Skor
<i>Saya menyayangi sesama manusia</i>	1 (0.3%)	3 (0.8%)	24 (6.5%)	158 (42.6%)	185 (49.9%)	4.409	0.673	Tinggi
<i>Saya perlu memberikan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan sedaya mampu</i>	1 (0.3%)	3 (0.8%)	24 (6.5%)	158 (42.6%)	185 (49.9%)	4.504	0.634	Tinggi
<i>Saya perlu menjauhi perkara yang membawa kepada dosa dan maksiat</i>	1 (0.3%)	0 (0%)	10 (2.7%)	119 (32.1%)	241 (65%)	4.614	0.569	Tinggi
<i>Segala kemungkaran wajib di cegah</i>	3 (0.8%)	0 (0%)	14 (3.8%)	114 (30.7%)	240 (64.7%)	4.584	0.645	Tinggi
<i>Saya perlu menyeru manusia berakhhlak dengan akhlak mahmudah (baik)</i>	1 (0.3%)	0 (0%)	12 (3.2%)	147 (39.6%)	211 (56.9%)	4.528	0.589	Tinggi
<i>Saya akan mengerjakan kebaikan kepada seluruh makhluk</i>	1 (0.3%)	3 (0.8%)	14 (3.8%)	176 (47.4%)	177 (47.7%)	4.415	0.632	Tinggi
<i>Saya wajib mengamalkan ajaran al-Quran dan as-Sunnah sedaya upaya</i>	1 (0.3%)	0 (0%)	17 (4.6%)	142 (38.3%)	211 (56.9%)	4.514	0.612	Tinggi
<i>Saya wajib meninggalkan makanan yang haram</i>	1 (0.3%)	0 (0%)	8 (2.2%)	95 (25.6%)	267 (72%)	4.69	0.538	Tinggi
<i>Saya perlu menjauhi sifat pemarah</i>	1 (0.3%)	0 (0%)	14 (3.8%)	156 (42%)	200 (53.9%)	4.493	0.598	Tinggi
<i>Penipuan merupakan sifat yang perlu dijauhi</i>	1 (0.3%)	0 (0%)	9 (2.4%)	125 (33.7%)	236 (63.6%)	4.603	0.566	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>					<b>4.535</b>	<b>0.485</b>		

\*Petunjuk: Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S), Sangat Setuju (SS)

Berasarkan kajian di atas pelajar Muslim yang tidak memakan makanan yang haram adalah sebanyak 72%. Ini adalah dapatan tertinggi bagi item ini. Seterusnya, seramai 65% pelajar menjauhi perkara maksiat dan dosa. Seramai 64.7% pelajar mencegah kemungkaran yang terdapat di sekeliling mereka. Seramai 63.6% pelajar mengakui bahawa penipuan adalah sikap yang perlu dijauhi. Menyeru manusia berakhhlak dengan akhlak mahmudah (baik) dan wajib mengamalkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah sedaya upaya (56.9%). Bagi kajian terendah adalah sebanyak 49.9% iaitu saya menyayangi sesama manusia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, “*Saya wajib meninggalkan makanan yang haram*” mencatatkan min yang tertinggi ( $M= 4.69$ ,  $SP=0.538$ ) dan “*Saya menyayangi sesama manusia*” mencatatkan min yang terendah ( $M=4.409$ ,  $SP=0.673$ ). Hasil dapatan kajian pada jadual di bawah menunjukkan responden bersetuju terhadap hubungan akhlak dan keperibadian remaja ( $M=4.535$ ,  $SP=0.485$ ). Pada item akhlak dan keperibadian remaja pula menunjukkan pelajar Muslim yang tidak memakan makanan yang haram haram adalah sebanyak 72%.

Ini adalah dapatan tertinggi bagi item ini. Ini mungkin disebabkan mereka memahami bahawa makanan yang berunsurkan sumber haram adalah perkara yang diharamkan dalam Islam dan boleh mengakibatkan hati menjadi semakin gelap dan sukar untuk menerima ilmu dan kebaikan. Menurut garis panduan Islam, makanan yang halal mempunyai kesan terhadap hati dan jiwa, jika makanan yang diambilnya halal dan baik maka iaanya memberikan kesan seperti mudah untuk melakukan ketaatan dan suruhan oleh Allah SWT. (Nor Aini dan Mohd Ali 2013). Manakala jika sebaliknya, maka kesan buruk akan hadir seperti malas dan berat dalam melakukan ketaatan dan mudah untuk melakukan dosa dan maksiat (Anuar dan Mohd Aizat 2012). Seterusnya, seramai 65% pelajar menjauhi perkara maksiat dan dosa. Ini disebabkan bahawa mereka memahami

maksiat dan dosa adalah perkara yang wajib dijauhi oleh muslim terutama bagi mereka yang menuntut ilmu. Begitu juga penekanan di sekolah yang mengutamakan disiplin menambahkan lagi kefahaman pelajar muslim untuk menjauhi perkara maksiat. Pembentukan sahsiah banyak di bentuk melalui pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal. Faktor sosial melalui pembelajaran formal sentiasa mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar (Wan Ahmad Zakri 2015). Seramai 64.7% pelajar mencegah kemungkaran yang terdapat di sekeliling mereka. Oleh kerana mereka memahami kepentingan menjauhi perkara maksiat, maka mereka perlu mencegah dan menegur jika terdapat perkara mungkar di sekeliling mereka.

Islam menjadikan amar *ma'ruf nabi mungkar* sebagai sifat yang memisahkan di antara mukmin dan munafik (Abdul Rahman Syed Hussein 2007). Seramai 63.6% pelajar mengakui bahawa penipuan adalah sikap yang perlu dijauhi. Hal ini disebabkan sifat tipu dan bohong adalah perkara yang dilarang dalam Islam. Budaya berkata benar perlu dititik beratkan terutama di rumah, ditambah juga dengan tauladan dan nasihat yang diberikan oleh guru-guru agar sentiasa berkata benar. Oleh itu, ciri-ciri rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia perlu mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai baik dan buruk, mengetahui kesan apabila melakukan perkara yang baik dan buruk, sentiasa berusaha untuk memperbaiki hubungan antara masyarakat tanpa mengira martabat tinggi atau rendah, kaya atau miskin dan sentiasa tua atau muda dan sentiasa menunjukkan nilai yang baik agar menjadi contoh bagi generasi yang akan datang. (Ajmain Safar 2013).

Bagi kajian terendah adalah sebanyak 49.9% iaitu saya menyayangi sesama manusia. Ianya merupakan salah faham sesetengah pelajar yang menganggap bahawa harus menyayangi sesama Islam sahaja dan tiada keperluan kepada orang bukan Islam. Maksud menyayangi di sini ialah menyayangi dengan kadar had yang sepatutnya kerana orang Islam wajib disayangi melebihi orang bukan Islam tetapi harus diberikan hak yang sewajarnya kepada mereka dan tidak harus dibenci. Bagi pernyataan menyeru manusia berakhhlak dengan akhlak *mahmudah* (baik) dan wajib mengamalkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah sedaya upaya dan nilai yang diperoleh adalah sebanyak (56.9%). Ia bertepatan dengan tema utama kajian yang menyeru remaja untuk berakhhlak dengan akhlak terpuji yang lahir daripada kefahaman dan pengamalan sesuai dengan al-Quran dan hadis.



Rajah 1 Struktur kajian

## 5.0 PENUTUP

Akhhlak adalah suatu perkara yang sering diperkatakan oleh kebanyakan manusia. Berdasarkan kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa untuk merealisasikan pengamalan akhlak bagi kesemua item akhlak yang terdapat dalam penulisan ini memerlukan keterlibatan semua lapisan masyarakat bukan hanya ibu bapa semata-mata. Guru-guru turut mempunyai peranan di

sekolah bagi melahirkan pelajar yang berakhhlak mulia, begitu juga masyarakat, para *da'i* dan *asatizah* mempunyai peranan masing masing dalam membentuk keperibadian remaja yang baik kerana manusia akan lebih terkesan dengan contoh ikutan yang baik berbanding dengan pengajaran dan teori semata-mata. Oleh yang demikian, semua pihak termasuk guru-guru, ibu-bapa, pihak pentadbiran serta masyarakat hendaklah berganding bahu dan menggembeling tenaga bagi melahirkan pelajar-pelajar yang bukan hanya cemerlang dan terbaik dari sudut akademik semata-mata bahkan dari sudut sahsiah dan peribadi sebagai modal yang besar untuk memacu dan mengambil alih kepimpinan negara pada masa yang akan akan datang bersetujuan dengan ajaran agama Islam.

## Senarai Rujukan

- Abdul Aziz Barghus (2005). *Manhaj al-Dakwah fi al-Mujtama' al-Muta'addid Wa al-Ajnas*. Kuala Lumpur Research Centre UIAM.
- Abdul Aziz Mohd Zain (1991). *Syahadah Ibadah Asbiah*. Petaling Jaya, Selangor: Dakwah Tempo Publishing.
- Abdul Karim Zaidan (1987). *Usul Dakwah*. Beirut: al-Risalah Publisher.
- Al-Ghazali, Muhammad Hamid (1990). *Al-Janib Al-Athifi min Islam, Bath fi al-Khuluq wa al-Suluk wa al-Tasawwuf*, Kaherah: Dar al-Dakwah.
- Al-Nawawi (1994). *al-Minhaj Syarah Sahib Muslim Lin Nawawi*. Saudi: Dar al-Siddiq.
- Amin Abdul Aziz (2005). *Fiqh dakwah, Studi atas berbagai prinsip dan kaedah yang harus dijadikan dalam dakwah* Surakarta: Inter Media.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad (2009). *Tafsir Fath Qadir*. Terjemahan Amir Hamzah Fakhruddin dan Asep Saefullah. Jakarta Selatan: Pustaka Azzam Atsar Enterprise.
- Al-Thabari , Abu Ja'far Muhammad bin Jarir (2007). al-Thabari Terjemahan Ahsan. Jakarta Selatan: Pustaka Azzam.
- Bassam Tibi (1997). *Krisis Peradaban Modern Ghazali*. Dakwah Kaherah, *Nabdah Misr li at-Tabaa'b al-Nasyr wa al-Tauzi'*.
- Hanafi Hamdani (2015). *Integriti Menurut Hadis Nabi :Kajian Terhadap Kakitangan UiTM Shah Alam*. Tesis Sarjana. Jabatan Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Hassan Al-Banna, Ab Mumin Abd Ghani, Siti Arni Basir (2013). *Sistem Pengurusan Islam Yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Satu Realiti Dan Cabaran Masa Hadapan*. Global Jurnal Al-Thaqafah 3(1), 63-84.
- John G. Orme and Terry Combs Orme (2009). *Multiple Regression With Discrete Depente Variable*. Oxford. University Prees.
- J Hassan, SA Safar (2010). *Pembinaan Kecermelangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Peglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/10788/1> Access date: 19 ogos 2021
- Jamiah Manap. et al. (2005). *Pemantapan Nilai Integriti Individu Sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti*. Seminar Kebangsaan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia. 2&3 Februari (2005). Johor Bahru.
- Mansur (2009). *Pendidikan Anak Usia Dini dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Fajr
- Mohd Romzi Omar (2009). *Sirah Nabawiyyah* . Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah
- Mohd Natsir (1987). *Fiqh Dakwah*. Jakarta: Dewan Dakwah Indonesia.
- Mohd Syafa' Habib (1992). *Pedoman Dakwah*. Jakarta: Penerbit Wijaya.
- Muslim Nurdin (1995). *Moral dan Kognisi Islam*. Jakarta: Alfabeta publishing.
- Mustafar Haji Ali (2009). *Aplikasi Berkesan Membangun Ummah*. dlm. Mustafar Ali dan Adnan Mad Junoh (Pnyt). ). *Integriti Dan Islam: Aplikasi Berkesan dan Membangun Ummah* halaman 91-114. Kuala Lumpur: Institusi Integriti Malaysia.

- Nooh Gadut. (2009). *Peranan Keluarga Dalam Pembentukan Keluarga Berintegriti*. Mutafa Ali dan Adnan Mad Junoh(Pnyt). *Integriti Dan Islam: Aplikasi berkesan Dan Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Institusi Integriti Malaysia.
- Nur Riza Mohd Suradi, Nur Atiqah Alias, Zalina Mohd Ali dan Norkisme Zainal Abidin (2015). *Tanggapan dan Faktor Penentu Pemilihan Makanan Halal dalam Kalangan Ibu-Bapa Muslim. Perception and Determining Factor Towards the Selection of Halal Food Among Muslim Parents*. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 11 (1), 75-88.
- Palanski & Yammarino (2007) *Integrity and Leadership: Clearing and Confusion*. *European And Management Journal* 21,171-184.
- Palanski & Yammarino (2009) *Integrity and Leadership: A Multi- Level Conceptual And Framework*. *The Leadership Quarterly*. 20(3), 405-420.
- Ramli, Mohd Anuar, Jamaluddin, Muhammad Aizat (2012). *Prinsip Hubungan Sosial bagi Menangani Konflik dalam Masyarakat Malaysia Berteraskan Islam*. 5, 51-52.
- Rozain Syukor Mansor (2011). *Dakwah dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sayyid Qutb (2002). *Tafsir Fil Zilalil Quran*. Terjemahan oleh: Yusoff Zaky Haji Yakob. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Sayyid Mohd Noh (2007). *Dakwah Fardiah*. Solo: Era Entermedia publishing.
- Shamsul Arifin (2004) *Islam Ditinjau dalam Aspek Pendidikan Tarbiyatuna*. 8, 107-129.
- Sukanto (1994) *Paket Moral Islam, Menahan Nafsu Daripada Hawa*. Solo: Penerbit Maulana Offset .
- Yusuf Qardawi (1991) *al-Rasul Wal I'l'm*. Beirut: Muassasah Risalah..
- Yusuf Haji Othman (2009). *Menghayati Makna Integriti Dari Perspektif Islam*. dlm. Mustafar Ali dan Adnan Mad Junoh (Pnyt). *Integriti Dan Islam: Aplikasi berkesan Dan Membangun Ummah*. Kuala Lumpur. Institusi Integriti Malaysia.
- Zainal Yang (2003). *Nilai, Etika dan Budaya Kerja Dalam Pentadbiran Sektor Awam Di Malaysia Dari Perspektif Islam (Satu Imbasan Kembali Tinjauan Karya)*. *Jurnal Pengurusan Awam*. 2(1), 45-67.